



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENANG INTERNATIONAL FOOD  
FESTIVAL (PIFF 2019): RM2 MINI FOOD FESTIVAL

### OLEH

YANG BERHORMAT TUAN YEOH SOON HIN  
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN  
PELANCONGAN & WARISAN & KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

### TARIKH / MASA / TEMPAT

17 APRIL 2019 (RABU)  
7.45 PETANG

BUTTERWORTH ART WALK  
LORONG BAGAN LUAR 1  
BUTTERWORTH

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan & Warisan & Kebudayaan Dan Kesenian

**Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy**

Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang/malam dan salam sejahtera,

Bersyukur kita kerana dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam Program *Penang International Food Festival* (PIFF 2019): *RM2 Mini Food Festival* yang kali kedua diadakan di Butterworth Art Walk. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan & Warisan & Kebudayaan Dan Kesenian, Ahli-Ahli Majlis dan penduduk-penduduk Seberang Perai serta dari luar Seberang Perai yang sudi hadir pada petang ini untuk memeriahkan suasana.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *Penang Global Tourism*, TLM Event Sdn. Bhd. serta kesemua penaja dan *program partners* yang telah memberikan sokongan padu dalam menjayakan program *People Centric* ini.

Program ini merupakan antara program-program yang dapat menghidupkan nilai-nilai murni untuk mengukuhkan perhubungan sesama kita kerana kita dihidangkan dengan jualan makanan daripada pelbagai kaum. Saya percaya tanpa pemuaafakatan, semangat kerjasama yang utuh

dan dedikasi sejati pasti betapa berat mata yang memandang, ringanlah bahu yang menjinjingnya. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kerana kita telah berjaya sekali lagi menjayakan program ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pesta Makanan Antarabangsa Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai *Penang International Food Festival* (PIFF 2019) adalah merupakan acara tahunan dan diadakan untuk kali ketiga di Pulau Pinang. PIFF 2019 diadakan selama 16 hari bermula pada 13 April hingga 28 April 2019. Sebanyak tiga acara utama diadakan iaitu *Street Food Festival* (SFF), *Taste of Penang* (TOP) dan *Penang Seafood Galore* (PSG), manakala pelbagai program-program kecilan (*pocket events*) seperti pesta mini, laluan makanan (*food walks*), sesi perkongsian dan pertandingan fotografi dan pengalaman menjamu selera (*dining experiences*) diadakan di pelbagai lokasi di Pulau Pinang dan juga Seberang Perai.

Dalam Program PIFF 2017, Seberang Perai turut mengambil bahagian dengan mengadakan satu *pocket event* di Auto-City, Juru iaitu *Food Truck Gathering* pada 20 April 2017. Ini diikuti pada tahun berikutnya, di mana dua (2) *pocket events* diadakan iaitu *RM2 Mini Food Festival* pada

23 dan 24 April 2018 di Butterworth Art Walk, Lorong Bagan Luar 1 dan Program *Food Truck Invasion* (FTI) pada 28 & 29 April 2018 di Design Village Outlet Mall Penang, Batu Kawan.

Pada tahun ini, Seberang Perai terlibat dalam PIFF 2019 dengan menganjurkan dua (2) program iaitu *RM2 Mini Food Festival*, yang diadakan malam ini di Butterworth Art Walk, Lorong Bagan Luar 1 dan Program *Seafood Galore* pada 27 & 28 April 2019 di Design Village Outlet Mall Penang, Batu Kawan. Program *RM2 Mini Food Festival* menyajikan pelbagai makanan yang dijual oleh peniaga-peniaga dengan harga RM2.00 sahaja. Program ini amat istimewa kerana ianya diadakan hanya di Seberang Perai dalam PIFF 2018 dan PIFF 2019.

Program seperti ini merupakan satu program yang bersifat *inclusiveness* yang dapat memberi peluang kepada semua golongan atau kumpulan masyarakat khususnya kumpulan B40 yang mana pendapatan isi rumah adalah 40% terendah, yang merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan bawah RM3,860.00.

Justeru, program meremajakan semula Butterworth ini akan memberi penekanan kepada aspek pembangunan yang boleh memberi manfaat

kepada semua golongan masyarakat tidak kira kumpulan B40, malah kepada golongan T20 dan M40 juga. Antara program dan kemudahan yang kita wujudkan adalah seperti *Butterworth Fringe Festival*; Temasya Bagan; *Pocket Park* Lebuh Kampung Benggali, Butterworth; *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama; *Butterworth Art Walk* di Lorong Bagan Luar 1; Pesta *RM2 Mini Food Festival* dalam Program *Penang International Food Festival*; dan dalam perancangan adalah *Food Truck Carnival*. Secara tidak langsung, program seperti ini juga dapat menarik pelancong ke Seberang Perai dengan adanya hab pengangkutan yang hebat seperti Penang Sentral.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sambil kita menghayati dan menikmati makanan yang disediakan di sini, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengingatkan warga MPSP untuk sentiasa menyokong semua aktiviti-aktiviti dan program-program yang dilaksanakan MPSP demi mencapai status Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Menjelang Tahun 2022. Saya pasti tuan-tuan dan puan-puan amat mengenali dan memahami peranan MPSP sebagai pihak berkuasa tempatan untuk kawasan Seberang Perai.

MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "People Centric Organisation" dan telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan. Hasrat MPSP adalah untuk menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan serta selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat.

Program-program yang dirancang dan dilaksanakan di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities 2019* (SPCP) termasuklah memulihkan identiti bandar lama dengan memelihara nilai warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang mesra dan teratur bagi orang awam seperti di Butterworth dan Bukit Mertajam. Di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu, beberapa program telah diatur dan dilaksanakan sebagai satu inisiatif untuk menghidupkan semula Bandar Butterworth menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang. Keutamaan program akan diberikan kepada remaja, warga emas dan golongan B40 bagi

membina masyarakat yang progresif, mencintai alam sekitar dan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

## 1. Program Temasya Bagan

MPSP dan Think City Sdn. Bhd. serta Zart Eventive Enterprise telah mewujudkan kerjasama dalam memperkasakan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*). Program Temasya Bagan @ *Butterworth Art Walk* adalah salah satu usaha untuk meremajakan Bandar Butterworth. Program ini diadakan pada hari Sabtu ketiga setiap bulan di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth dan telah bermula sejak bulan Oktober 2018, sehingga Disember 2019. Program ini mengetengahkan tema-tema berbeza mengikut kepada sambutan perayaan yang tertentu pada bulan-bulan tersebut seperti Deepavali, Hari Natal, Tahun Baru, Hari Ibu, dan sebagainya. Temasya Bagan merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen pendidikan dan kesedaran awam dari segi seni, budaya dan warisan

tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program.

## 2. *Butterworth Art District* sebagai Zon Warisan

MPSP juga mewujudkan zon kesenian bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain.

*Butterworth Art Walk* di sepanjang lorong belakang di Jalan Bagan Luar merupakan satu inisiatif untuk menaiktaraf kawasan *backlane* sebagai *open public space* yang selamat untuk dikunjungi. Inisiatif ini membawa impak yang positif dalam memberi mesej melalui kaedah pendidikan yang disampaikan secara lukisan. Butterworth Art Walk melibatkan tiga (3) fasa lukisan mural, merangkumi jarak 400 meter dan telah menghasilkan sebanyak 45 mural dan 10 arca. Kos bagi ketiga-tiga fasa adalah RM 158,300.00. mempamerkan mural dan pemasangan yang cantik dan indah serta memberi gambaran berhubung sejarah Butterworth dengan tujuan mendidik para pengunjung yang melawat kawasan ini.

### 3. *Butterworth Fringe Festival (BFF)*

*Butterworth Fringe Festival (BFF)* adalah satu program tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan jalanan tempatan dan antarabangsa. Ianya bertujuan untuk merancakkan lagi misi meremajakan Bandar Butterworth dengan menjadikan bandar ini sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif. BFF adalah program yang terbuka kepada orang ramai secara percuma.

### 4. *Pocket Park*

MPSP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. sedang dan telah melaksanakan projek-projek fizikal seperti *Pocket Park* Lebuh Benggali dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama. Kos naik taraf *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama dengan kerjasama MPSP dan Think City adalah berjumlah RM 446,104.00, manakala kos naik taraf *Pocket Park* Lebuh Kampung Benggali dengan kerjasama MPSP dan Think City berjumlah RM 277,145.00. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth. MPSP akan terus memperkenal dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang bersenam dan bersukan, ruang sosial seperti perkahwinan dan pelbagai acara.

## 5. Kolam Renang Pangsapuri Ria

Kolam Renang Pangsapuri Ria di Lebuh Kampung Benggali sedang dinaiktaraf oleh MPSP dengan kos sebanyak RM210,000.00 dan kerja-kerja naiktaraf ini dijangka siap pada 21 Februari 2019. Kolam renang tersebut dibuka untuk kegunaan orang awam dan MPSP telah melantik pihak swasta bagi menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan premis berkenaan.

## 6. *Butterworth Digital Library*

Pembangunan *Digital Library* akan dilaksanakan oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI) di dewan milik MPSP, Seksyen 4, Lebuh Kampung Benggali, Seberang Perai Utara dengan kos sebanyak RM4,589,795.98. Pelan bangunan bagi *Digital Library* ini telah diluluskan oleh MPSP pada 5 September 2018 dan Pejabat Perbadanan Ketua Menteri dengan kerjasama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. akan melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pengubahsuaian bangunan yang sedia ada. Pembangunan projek ini dijangka siap sepenuhnya awal Januari 2020. Bangunan Dewan Ria ini akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sesuai kepada semua peringkat umur dan kemudahan ini adalah percuma serta boleh digunakan pada bila-bila masa.

## 7. Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth

Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth telah dinaiktaraf oleh MPSP dengan kos sebanyak RM4.4juta. Dewan ini menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah dewan utama, bilik seminar, *digital library*, bilik VIP, surau, tandas, pentas utama dan padang. Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi akan diserahkan sepenuhnya oleh Penang Development Corporation (PDC) kepada MPSP dalam bulan April 2019 dan boleh mula digunakan mulai bulan Mei 2019. *Defect Liability Period* projek ini adalah setahun, iaitu sehingga Mac 2020.

MPSP akan terus berkerjasama dengan rakan strategik seperti Think City Sdn. Bhd. untuk mengadakan program *Fun Walk, Fun Ride, I Love Penang Run* - Seberang Perai, *Province Wellesley Run* (PWR), Temasya Bagan termasuk *Car Free Evening* dan *Sungai Perai Nature Walk*. Di samping itu, MPSP juga akan mengadakan *Car Free Night* atau malam bebas kenderaan bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *zumba, busking, kesenian, kebudayaan* dan lain-lain. Program RM@ Mini Food Festival yang diadakan pada petang ini juga merupakan satu program menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa serta memperkembangkan *Local*

*Economic Development* (LED) dengan memberikan peluang dan menggalakkan peniaga-peniaga untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Pesta *RM2 Mini Food Festival* untuk menjayakan dan memeriahkan program yang diadakan di sini pada hari ini. Pesta ini dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam meremajakan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* di Pulau Pinang yang lebih ceria dan *vibrant*; menggalakkan *Local Economic Development* (LED); serta mempamerkan dan mempromosikan kepelbagaian makanan yang lazat yang boleh dinikmati dengan harga yang murah dan berpatutan.

Dalam kita menikmati makanan, berhibur dan sebagainya dalam pesta ini di Butterworth Art Walk, besarlah harapan saya sekiranya peniaga-peniaga dan pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa di punca.

Saya menyeru dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah dan membuangkannya ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MPSP dan dilabelkan dengan kategori “*sisa kitar semula*” untuk kertas, plastik, tin, aluminium dan kotak dan “*sisa baki*” untuk sampah kotor dan sisa makanan.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan & Warisan & Kebudayaan Dan Kesenian; Kerajaan Negeri Pulau Pinang; *Penang Global Tourism*; TLM Event Sdn. Bhd. serta kesemua penaja dan *program partners* yang bertungkus lumus dalam menjayakan Pesta *RM2 Mini Food Festival*. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin; Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Ahli-Ahli Majlis; warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai dan juga dari luar yang hadir memberikan sokongan padu dalam menjayakan program-program anjuran MPSP.

***Sekian,***

***WabillahiTaufikWalHidayah,  
WassalamualaikumWarahmatullahiWabarakatuh.***

**Terima kasih**